Oleh kerana beliau memiliki ilmu pengetahuan yang sangat meluas, beliau juga dipertanggungjawabkan untuk menjadi penceramah dan penerjemah jemputan dalam mesyuarat, bengkel dan persidangan yang dihadapinya. Selain itu, beliau juga berpengalaman sebagai pemeriksa peperiksaan bukan sahaja di peringkat dalaman, malahan luaran dan sekaligus menjadi pengerusi sesi viva.

#### **PEPERIKSAAN DALAMAN**

- a. Pemeriksa Viva Voce untuk Peperiksaan Profesional Pergigian Tahun 2 (Kursus Patologi), UKM: 2015, 2016, 2017, 2019.
- b. Pemeriksa Doktor Patologi (Hematologi) - Lembaga Gabungan: 2012 - hingga sekarang
- c. Pemeriksa Dalaman untuk pelajar PhD: nama... ..– 2018 (UMBI)
- d. Pemeriksa Dalaman untuk pelajar sarjana: ..... 2019 (UMBI)

## **PEPERIKSAAN LUAR**

- a. Pemeriksa Sarjana Perubatan Transfusi, Peperiksaan akhir untuk tahun 3, IPPT, Universiti Sains Malaysia 2020
- b. Pemeriksa Sarjana Patologi (Genetik), 2020
- c. Pemeriksa Sarjana Sains (Hematologi), Universiti Putra Malaysia: Anantha Kummaar A / L Nadarajan, 2020
- d. Pemeriksa Sarjana Sains, Universiti Sultan Zainal Abidin: Abdul Halim Fikri Hashim 2020.
- e. Pemeriksa Sarjana Perubatan Transfusi, Peperiksaan akhir untuk IPPT tahun 1 dan 3, Universiti Sains Malaysia 2019
- f. Pemeriksa Sarjana Perubatan Transfusi, peperiksaan Viva untuk tahun 4, IPPT, Universiti Sains Malaysia 2019: nama... .2019
- g. Pemeriksa untuk Ujian Profesional Perubatan Tahun 2, Sekolah Perubatan Antarabangsa (IMS), Universiti Pengurusan & Sains, Shah Alam: 2018
- h. Pemeriksa Sarjana Sains, Universiti Sains Islam Malaysia: nama... ..Julai 2017
- i. Pemeriksa bagi Ujian Profesional Perubatan Tahun 2, Kolej Perubatan Mannipal Melaka, Kampus Mannipal, Mannipal: 2017
- j. Pemeriksa Sarjana Sains, Universiti Sains Islam Malaysia: nama... ..Oktober, 2017
- k. Pemeriksa untuk Ujian Profesional Perubatan Tahun 2, UNIMAS, Sarawak: 2015

## **PENGERUSI SESI VIVA**

Pada tahun 2016 hingga tahun 2018, beliau telah dinaikkan pangkat disebabkan beliau banyak membuat kajian dan menerbitkan banyak artikel yang berguna. Kali ini beliau telah menjawat jawatan sebagai Pakar Perunding Patologi (Ahli Haematologi) dan Pensyarah - VK7 (LK) (Profesor Madya). Selain itu, beliau juga telah diberi kepercayaan untuk memegang jawatan baru iaitu sebagai Ketua Jabatan dan Ketua Unit Genetik Molekul. Akhir sekali, pada


tahun 2018 beliau telah diiktiraf sebagai Profesor penuh dan masih lagi berkhidmat sehingga kini sebagai Pakar Perunding Patologi (Ahli Haematologi), Pensyarah - VK7 (Profesor), Ketua Jabatan dan Ketua Unit Genetik Molekul di Jabatan Makmal Patologi dan Perkhidmatan Diagnostik UKMMC.

Seterusnya, beliau juga ditugaskan sebagai penyunting dan menjawat jawatan sebagai Jawatankuasa Lembaga Pengarang, Penyemak Manuskrip Jurnal Kebangsaan dan Antarabangsa dan Penyemak Buku iaitu dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang berjudul Getaran Hati Edward iaitu novel pesakit talasemia.

Dalam pada itu, beliau telah mendapat keahlian professional dalam Ahli Akademi Perubatan (Kolej Patologi), Ahli Persatuan Hematologi, Ahli Persatuan Pemindahan Darah, Ahli Persatuan Genetik Manusia, *Human Variome Project Malaysian Node & South-East Asia Node* dan akhir sekali Ahli Jawatankuasa Eksekutif *Global Globin Network*, Projek Variome Manusia. Pada waktu yang sama beliau telah menjadi ahli jawatankuasa nasional iaitu sebagai Ahli Jawatankuasa Ahli Lembaga Pengarah untuk Sarjana Patologi (2016 - hingga sekarang), Ahli Jawatankuasa Pendaftaran Talasemia Nasional, Malaysia (2016 -....), Ketua dan Ahli Jawatankuasa untuk Akreditasi Pusat Latihan Sarjana Patologi (2017-2020), Ahli kumpulan penulisan untuk Kurikulum Pascasiswazah Patologi Nasional (2019-2020) serta Ahli Jawatankuasa “Program Kepakaran Sarjana Perubatan (Perubatan Transfusi) (2018 - 2022).

Akhir kata, nilai yang saya peroleh daripada kejayaan yang beliau peroleh ialah kita perlu sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dan komited terhadap apa yang kita lakukan untuk memastikan impian kita tercapai. Kita juga perlu mempunyai semangat berdaya saing yang tinggi untuk berjaya seperti tokoh kita ini. Di samping itu, kita perlulah sentiasa bertawakal kepada Allah S.W.T kerana Dia yang memberikan kita kejayaan. Apabila sudah berjaya, kita janganlah sombong dan bongkak mahupun terhadap ibu bapa, adik-beradik dan kawan-kawan sepertimana yang dilakukan oleh Prof. Dr. Raja Zahratul Azma yang masih lagi menjaga dan berbakti kepada ibunya yang sudah tua dimakan usia.

## 5.0 Kejayaan Dan Sumbangan



Dr. Raja Zahratul Azma telah dijemput sebagai pemeriksa luar untuk pelajar postgraduate (Masters or transfusion medicine tahun 2019 dan 2020; dan Master of Pathology (Genetic) tahun 2020) di USM, pelajar perubatan tahun 2 International Medical School (MSU) PADA 2018, pelajar perubatan tahun 2 di Melaka Manipal Medical College, Manipal, India pada 20 – 24 September, 2017. Beliau juga telah dijemput menjadi pemeriksa tesis Sarjana Sains Perubatan di UPM, USM dan USIM semenjak 2017. Beliau juga merupakan pemeriksa luar dan penilai program Perubatan tahun dua (bagi topik Patologi) di UNIMAS, Sarawak pada Mei 2015).

Beliau telah dijemput untuk memberi ceramah-ceramah berkaitan hasil penyelidikan dan kepakaran beliau di beberapa seminar, bengkel dan persidangan dalam dan luar negara. Beliau telah dijemput memberi ceramah berkaitan G6PD di Bangkok, India dan UNESCO, Paris semasa persidangan antarabangsa. Beliau juga telah membentang hampir 150 poster di berbagai-bagai persidangan dan beberapa poster beliau bersama dengan rakan-rakan penyelidik telah berjaya mendapat award sebagai poster terbaik.

Beliau juga sebagai pengerusi dan penasihat telah mengadakan beberapa bengkel di peringkat kebangsaan dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari pakar-pakar patologi (terutamanya di bidang hematologi) dan pelajar-pelajar siswazah klinikal patologi.

Dr. Raja Zahratul Azma juga dirujuk dan dijemput oleh pihak industri, Universiti lain dan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk berkongsi ilmu kepakaran beliau. Pihak industri telah menaja beliau ke Bangkok sebanyak dua kali untuk memberi ceramah mengenai saringan kekurangan aktiviti G6PD. Beliau juga telah memperkenalkan ujian saringan kekurangan aktiviti G6PD secara kuantitatif pada 2011 dan Pusat Perubatan UKM merupakan hospital yang pertama di Malaysia yang menyediakan ujian ini. Baru-baru ini dengan kerjasama ACCESS BIO dan Anugerah Sainifik, beliau telah mengetuai projek untuk mengoptimumkan point of care testing kit untuk saringan penyakit kekurangan aktiviti G6PD di samping memberi tunjuk ajar mengenai keperluan membuat saringan kekurangan G6PD secara memeriksa paras aktiviti G6PD melalui ceramah-ceramah di hospital-hospita kerajaan dan swasta (Hosp Kuala

Pilah, Hospital Jasin, Hospital Sg. Petani, Hospital Likas, Sunway Medical Centre, Desa Park Medical Centre).

Beliau juga berkolaborasi dengan universiti lain seperti Universiti Teknologi MARA(UiTM), UNISEL dan Universiti Sains Malaysia dan telah menyelia seramai SEPULUH prasiswazah dari universiti-universiti tersebut. Pelajar-pelajar ini menjalankan penyelidikan berkaitan dengan molekul genetik penyakit hematologi di Makmal Hematologi dan Makmal Molekul Genetik, Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik. Beliau juga telah berkolaborasi dengan Fakulti Sains dan Teknologi; dan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, UKM, dan telah dilantik sebagai penyelia bersama untuk dua pelajar PhD. Beliau juga dilantik sebagai pakar rujuk untuk beberapa pelajar prasiswazah di Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat dan menyelia penyelidikan pelajar-pelajar tersebut. Baru-baru ini beliau juga telah dilantik sebagai penyelia bersama bagi pelajar PhD dari Fakulti Kejuruteraan, UPM.

Dr. Raja Zahratul Azma telah melebihi lebih 50 geran dalaman dan luaran University sebagai Penyelidik utama dan juga Co - researcher seperti FRGS, ERGS, CREST, DLP, DCP, GUP, konsortium kecermelangan penyelidikan bersama MMU dan IMU, geran dari USM, UiTM dan juga USIM di samping geran dari tabung penyelidikan fundamental HCTM.

## 5.1 Anugerah

Antara anugerah-anugerah yang beliau berjaya mengumpul adalah:

1. Young inventor postgraduate (open) – bronze during IIDEX 2020
2. 2<sup>nd</sup> place for Outstanding ePoster Award during Global Globin 2020 Challenge (GG2020) Conference “Moving towards Zero Thalassaemia”, Kuala Lumpur, July 2017.  
*Siti Aisyah Abdul Razak, Nor Azian Abdul Murad, Doris Lau Sie Chong, Farin Masra, **Raja Zahratul Azma Raja Sabudin**, Hafiza Alauddin, Azlin Ithnin, Hamidah Alias, Zarina Abdul Latiff, Rahman Jamal.*

**Title:** *Genetic modifiers of HbF and phenotypic severity among Malaysian Beta-*

*Thalassaemia Patients.*

3. 2<sup>nd</sup> runner up of poster presentation during 3<sup>rd</sup> MSMLT National Scientific Conference at Mahkota Hotel, Melaka, April 2017.

*Najiah AA, Darnina AJ, Azma RZ, Azlin I, Lim LS, Hafiza A, Malisa MY, Saidatul AA<sup>2</sup>, Wan Ahmad Shukri WAA and Ainoon O.*

***Title:*** *Near patient testing of G6PD enzyme activity by Carestart<sup>TM</sup> Biosensor 1Kit.*

4. 1<sup>st</sup> prize for Laboratory Abstract (Poster Presentation) during 14<sup>th</sup> MSH Annual Scientific Meeting at Holiday Villa, Johor Bahru, April 2017.

*Siti Aisyah Abdul Razak, Nor Azian Abdul Murad, Doris Lau Sie Chong, Farin Masra,*

***Raja Zahratul Azma, Hafiza Alauddin, Azlin Ithnin, Hamidah Alias, Zarina Abdul***

*Latiff, Rahman Jamal.*

***Title:*** *Detection of genetic modifiers of HbF among Malaysian Beta-Thalassaemia Patient.*

5. 1<sup>st</sup> Runner-up for the Best Scientific presentation (poster) during 2015 Annual Scientific Meeting of CPath AMM) & 40<sup>th</sup> Annivesary Celebration of The Pathology Advocates at Berjaya Times Square, June 2015

*Nurasyikin Yusuf, Caroline Ho Siew Ling, Hafiza Alauddin, Suria Abdul Aziz, Indhira Subiah & Raja Zahratul Azma.*

***Title:*** *Assessment of Iron deficiency in the Paediatric Age Group: The clinical utility of Reticulocyte Haemoglobin Equivalent (Retic-He).*

6. Sijil kertas kerja terbaik di Seminar Penyelidikan Kebangsaan (SPK2015) at Dewan Konvensyen, Bangunan E- Learning, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Mei 2015.

*Nadila Haryani O, Asral Wirda AA, Leong CF, Jameela S, RZ Azma, Noor Fadzilah Z, Ainoon O.*



***Title:*** Importance of extended blood group genotyping in multiply transfused patients.

7. Best Scientific presentation - 1<sup>st</sup> prize (poster) during 10<sup>th</sup> Annual Scientific and Meeting, College of Pathologists, Academy of Medicine 2011, Langkawi.

*Ainoon O, Khalid Awad Elkarem AM, Azma RZ, Hamidah NH.*

***Title:*** The use of automated immature reticulocyte fraction in predicting bone marrow recovery in patient with acute leukaemia.

8. 1<sup>st</sup> Runner-up for the Best Research presentation (oral - supervisor) during 1<sup>st</sup> SSM Annual Scientific Meeting at Auditorium UKM Medical Centre, KL, Mei 2009.

*H Hamenuddin, IN Syazana, NA Hadi, WK Tatt, AM Asmaliza, NH Hamidah, RZ Azma.*

***Title:*** Prevalence of anaemia among medical students in UKM

9. Excellent worker award, UKM Medical Centre for the year 2007

10. BD award for the Best Scientific presentation (poster), category: Trainee pathologist at First Joint Congress of the College of Pathologists (Cpath) and Malaysian Institute of Medical Laboratory Sciences (MIMLS), in Crown Princess Hotel, Kuala Lumpur, December 2003.

*Azma RZ, Hamidah NH, Hamidah A, Zarina AL, Cheong SK, Rahman AJ*

***Title:*** Risk factors for MRD at day 28 in childhood acute lymphoblastic leukaemia.

11. Excellent worker award, Hospital Kuala Lumpur for the year 1997.

## 5.2 Penerbitan Terkini

Sehingga kini jumlah penerbitan yang telah diterbitkan oleh beliau adalah sebanyak 251 terbitan. Terbitan yang terkini pada 2021 terdapat adalah sebanyak 4 terbitan. Antaranya:

1. Mohamed Afiq Hidayat Zailani, Raja Zahratul Azma Raja Sabudin, Zaleha Abdullah Mahdy, Rahana Abdul Rahman, Ismail Mohd Saiboon, Aniza Ismail. (2021). Medical Drone Innovation: An Experimental Analysis Of Drone-Transported Blood Samples. - 27th Regional Congress Of The Perinatal Society Of Malaysia. 146.
2. Ying Ying Wong, Hafiza Alauddin, Raja Zahratul Azma Raja Sabudin , Azlin Ithnin , Norunaluwar Jalil , Zarina Abdul Latiff , C-Khai Loh , Hamidah Alias , Ainoon Othman. (2021). Siriraj I Gy(Aydb)0-Thalassaemia Causing Severe Thalassaemia Intermedia In Compound Heterozygous State With Ivs1-1(G-T) Mutation. - The Malaysian Journal Of Pathology. 95-100.
3. Nor Syazana Jamali, Raja Zahratul Azma Raja Sabudin, Hafiza Alauddin, Azlin Ithnin, Nor Rafeah Tumian, Norunaluwar Jalil, Rinie Awai, Siti Hawa Abu Amis, Salwati Shuib. (2021). H396p Mutation In Chronic Myeloid Leukaemia Patient On Nilotinib - A Case Report. - The Malaysian Journal Of Pathology. 63-68.
4. Raja Zahratul Azma Raja Sabudin. (2021). Basic Introduction Of Pathology: Full Blood Count And Urinalysis. - Active Scientific Kick Start Meeting 2021.
5. Siriraj I G  $\gamma$  (A  $\gamma\delta\beta$ ) 0-thalassaemia causing severe thalassaemia intermedia in compound heterozygous state with IVS1-1 (G $\rightarrow$  T) mutation. (Raja Zahratul Azma RAJA SABUDIN Y. Y., 2021)
6. Disseminated microsporidiosis: An underdiagnosed and emerging opportunistic disease (Raja Zahratul Azma RAJA SABUDIN P. S., 2021/4)

7. H396P mutation in chronic myeloid leukaemia patient on nilotinib (Raja Zahratul Azma Raja Sabudin N. S., 2021/4)

### **5.3 Projek Penyelidikan**

Terdapat 52 senarai projek penyelidikan yang sedang dan telah dilaksanakan oleh beliau bersama-sama rakan projek yang lain. Antara projek-projek penyelidikan yang masih dalam tempoh penyelidikan sehingga kini adalah:

1. Blood Cancer Speed Screening sebagai penyelidik bersama.
2. Molecular Characterization Of The G6pd-Deficient Gene And Identification Of Novel Mutation Among Orang Asli Proto Malays sebagai ketua projek.
3. Cytogenetic Risk Stratification Of Adult Patient With De Novo Acute Myeloid Leukemia (Aml) And Correlation With 5 Year Overall Survival (Os) : Results Of A Tertiary Centre In Malaysia sebagai penyelidik bersama.
4. Molecular Landscape Of Patients With Borderline Hba2 Levels In Hospital Canselor Tuanku Muhriz sebagai penyelidik bersama.
5. Evaluation Of Carestart S1 Analyzer Biosensor Quantitative Assay Of Rbc G6pd Enzyme And Establishment Of Reference Range For Point Of Care Testing In Diagnosis Of G6pd Deficiency sebagai penyelidik bersama.
6. Dynamic Compression Method Based On Lossless And Reversible Decoder For High Resolution Images sebagai penyelidik bersama.
7. Characterisation Of Blood Outgrowth Endothelial Cells (Boecs) For Human Saphenous Veins (Hsv) Re-Endothelialisation Optimisation sebagai penyelidik bersama.

8. Correlation Of Aberrant Expression Of Myeloid Marker With Cytogenetic Abnormality In B-Acute Lymphoblastic Leukaemia sebagai ketua projek.
9. Safety And Efficacy Of Wf10 For Diabetes-Related Vascular Diseases: A Prospective Controlled Study sebagai penyelidik bersama.
10. Assessing Drone Transportation Of Blood And Blood Products In Massive Obstetric Haemorrhage sebagai penyelidik bersama.
11. Efficacy Of Wf10 In Treatment Of Diabetic Neuropathic Wound: A Prospective Controlled Study sebagai penyelidik bersama.

## 6.0 Perancangan dan harapan

Menurut Prof Dr. Raja Zahratul Azma dalam sebuah temuramah yang kami telah lakukan, beliau baru sahaja menyelesaikan empat kertas kerja kajian penyelidikan pada tahun ini. Antara empat kertas kerja kajian penyelidikan beliau yang beliau sempat menyiapkan adalah *Medical Drone Innovation: An Experimental Analysis Of Drone-Transported Blood Samples*, *Siriraj I Gy (Aydb)0-Thalassaemia Causing Severe Thalassaemia Intermedia In Compound Heterozygous State With Ivs1-1(G-T) Mutation, H396p Mutation In Chronic Myeloid Leukaemia Patient On Nilotinib - A Case Report* dan *Basic Introduction Of Pathology: Full Blood Count And Urinalysis*.

Projek dron telah dilakukan oleh Prof Dr. Raja Zahratul Azma bersama lima rakan seperjuangannya di Fakulti Perubatan UKM iaitu Prof Dr. Zaleha Abdullah Mahdy, Dr. Mohamed Afiq Hidayat Zailani, Dr. Rahana Abdul Rahman, Prof Dr. Hj. Ismail bin Mohd Saiboon dan Dr. Aniza Ismail. Projek itu mula dilakukan pada bulan Julai 2019 dengan kerjasama dengan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) dan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) dari UKM. Dron tersebut digunakan untuk mengangkut sampel darah dari satu tempat ke satu tempat. Satu dron tersebut mampu mengangkut enam puluh sampel darah dari satu tempat ke satu tempat. Walau bagaimanapun, projek dron tersebut tidak dapat diteruskan disebabkan oleh pandemik penyakit coronavirus 2019 (COVID-19).

Pada 15 Mac 2021, Prof Dr. Raja Zahratul Azma bersama dengan Prof Dr. Zaleha Abdullah Mahdy, Dr. Mohamed Afiq Hidayat Zailani, Dr. Rahana Abdul Rahman, Prof Dr. Hj. Ismail bin Mohd Saiboon dan Dr. Aniza Ismail menyertai pembentangan hasil kajian penyelidikan "*Drone for Blood Product Transportation: A Proof of Concept*" yang dibentangkan oleh Dr. Mohamed Afiq Hidayat Zailani. Pembentangan tersebut dibuat di platform maya ZOOM yang dihadiri oleh kakitangan dan para pelajar jabatan. Selain itu, Prof Dr. Raja Zahratul Azma juga dijemput untuk menghadiri sebuah acara webinar yang dianjurkan oleh Sekolah Menengah Agama Putrajaya. Acara tersebut diadakan pada bulan April 2021.



Rajah 1: Barisan-barisan penyelidik “*Drone for Blood Product Transportation: A Proof of Concept*” (Prof Dr. Zaleha Abdullah Mahdy, Dr. Mohamed Afiq Hidayat Zailani, Dr. Rahana Abdul Rahman, Prof Dr. Hj. Ismail bin Mohd Saiboon, Dr. Aniza Ismail & Prof Dr. Raja Zahratul Azma Raja Sabudin)



Rajah 2: Pembentangan kajian penyelidikan “*Drone for Blood Product Transportation: A Proof of Concept*” yang dibentangkan oleh Dr. Mohamed Afiq Hidayat Zailani

Penyakit thalassemia memang tidak asing lagi di telinga rakyat Malaysia kerana mereka harus melakukan ujian thalassemia sebelum mereka mendirikan rumah tangga. Walau bagaimanapun, penyakit glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase amatlah asing untuk rakyat

Malaysia ketahui mengenai penyakit tersebut. Menurut Prof Dr. Raja Zahratul Azma, bangsa Melayu dan Cina berisiko untuk mendapat penyakit glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase berdasarkan kajian-kajian penyelidikan yang beliau pernah lakukan sebelum itu.

Pemahaman rakyat Malaysia mengenai penyakit thalassemia dan penyakit glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase kini berada dalam tahap yang amat membimbangkan. Prof Dr. Raja Zahratul Azma berkongsi pengalamannya mengenai ahli keluarga beliau yang menghidap penyakit thalassemia. Sepupunya menghidap penyakit thalassemia disebabkan oleh genetik ayahnya yang memiliki penyakit thalassemia. Ayahnya merupakan orang luar yang berkahwin dengan ibu saudaranya itu. Menurut beliau, beliau menghadapi kesukaran untuk memberi penyampaian ilmu mengenai penyakit thalassemia kepada sepupunya.

Menyampaikan ilmu tentang penyakit thalassemia dan penyakit glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase agak sukar dan mencabar bagi Prof Dr. Raja Zahratul Azma. Ramai rakyat Malaysia mengambil ujian thalassemia tanpa membuat penyelidikan mengenai dua penyakit genetik tersebut. Lebih-lebih lagi, mereka terus mendirikan rumah tangga dan hanya membuat ujian darah secara ala kadar sahaja tanpa adanya ilmu mengenai penyakit-penyakit yang akan membawa implikasi kesihatan yang serius pada masa yang akan datang.

Sebelum mendirikan rumah tangga, rakyat Malaysia dikehendaki untuk melakukan ujian darah seperti ujian HIV, hepatitis B dan C untuk mengelakkan pasangan berkahwin tersebut mendapatkan zuriat yang mempunyai masalah kesihatan seperti HIV/AIDS, hepatitis B dan C. Penyakit tersebut mudah didapati melalui genetik apabila pasangan lelaki atau perempuan membawa penyakit tersebut. Ramai rakyat Malaysia sudah peka dan ketahui mengenai penyakit HIV/AIDS serta penyakit hepatitis B dan C. Mereka telah cuba sedaya upaya untuk memilih pasangan yang bebas dari penyakit untuk mendapat zuriat yang sihat. Walau bagaimanapun, ramai rakyat Malaysia masih kurang peka dengan penyakit thalassemia dan glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase. Dengan kenyataan Prof Dr. Raja Zahratul Azma yang menyatakan bahawa majoriti kaum Melayu dan Cina telah membawa penyakit glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase ini, ia boleh mencetuskan kebimbangan terhadap generasi baru Malaysia ini.

Oleh itu, Prof Dr. Raja Zahratul Azma tidak berputus asa untuk menyampaikan taklimat kesihatan kepada rakyat Malaysia mengenai penyakit thalassemia dan penyakit glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase. Dengan memberi taklimat kesihatan tersebut, ia dapat mendidik rakyat Malaysia tentang dua penyakit genetik yang membawa implikasi kesihatan yang serius kepada generasi Malaysia yang baru pada masa yang akan datang. Beliau berharap agar generasi Malaysia yang baru ini dapat melahirkan anak yang sihat serta bebas daripada masalah kesihatan.

Selain itu, Prof Dr. Raja Zahratul Azma juga berharap adanya penambahan peralatan-peralatan perubatan di hospital awam dan swasta untuk mendiagnosis penyakit thalassemia dan glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase. Menurut beliau, peralatan tersebut hanya ada di Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) dan sebuah hospital swasta. Dengan kekurangan peralatan perubatan ini, ia dilihat bahawa teknologi kesihatan di Malaysia masih lagi ke belakang apabila dibandingkan dengan negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom. Dengan kekurangan peralatan perubatan, profesion kesihatan seperti doktor dan jururawat berasa sukar untuk mendiagnosis serta merawat penyakit yang dialami oleh rakyat Malaysia terutamanya penyakit thalassemia dan glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase.



## 7.0 Penutup

Kesimpulannya, kita boleh berjaya di mana-mana sahaja sekiranya kita sentiasa berusaha dan tidak putus asa dalam menghadapi cabaran hidup. Dengan mendengar kisah kehidupan Prof Dr. Raja Zahratul Azma, kita boleh menjadikan beliau sebagai inspirasi hidup kita untuk kita terus berjaya dalam hidup.

Walaupun rakyat Malaysia masih kurang peka dengan kewujudan penyakit thalassemia dan glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase, Prof Dr. Raja Zahratul Azma tidak berputus asa untuk mendidik masyarakat setempat untuk mengambil tahu tentang dua penyakit tersebut. Beliau sering memberi taklimat kesihatan mengenai penyakit thalassemia dan glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase kepada orang awam terutamanya pelajar sekolah dan pelajar universiti sama ada di Malaysia mahupun di luar negara.

Sebelum Prof Dr. Raja Zahratul Azma memberi pendidikan kesihatan kepada orang awam tentang penyakit thalassemia dan glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase, beliau banyak berkunjung ke kawasan-kawasan pedalaman. Salah satu kajian penyelidikan yang beliau pernah lakukan ialah mengunjungi perkampungan orang Asli di Banting, Klang, Tapah dan Batu Gajah. Beliau menjalankan ujian darah untuk mengesan penyakit thalassemia dan glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase terhadap penduduk orang Asli di kawasan yang beliau kunjungi itu. Menurut beliau, penduduk orang Asli di kawasan Banting, Klang dan Tapah memberi kerjasama yang tinggi serta tidak takut untuk melakukan ujian darah tersebut. Walau bagaimanapun, penduduk orang Asli di kawasan Batu Gajah berasa takut untuk melakukan ujian darah tersebut lalu lari masuk ke dalam kawasan hutan. Itu adalah antara cabaran serta kesukaran untuk Prof Dr. Raja Zahratul Azma lalui semasa melakukan kajian penyelidikan. Begitu juga dengan kajian penyelidikan yang melibatkan teknologi dron. Beliau bersama rakan penyelidiknyanya yang lain tidak dapat meneruskan kajian penyelidikan tersebut disebabkan oleh pandemik COVID-19. Namun begitu, mereka tetap menyelesaikan kertas kerja kajian penyelidikan dengan pengumpulan data yang mereka sudah catatkan itu.

Selain itu, kita juga perlu mencabar diri kita untuk mengetahui kemampuan kita dalam melakukan sesuatu serta mempunyai sokongan sosial yang baik untuk mencapai cita-cita kita. Semasa Prof Dr. Raja Zahratul Azma menuntut di Universiti Malaya, beliau pernah mengalami dengan apa yang kita lalui sekarang ini. Beliau mudah terpengaruh dengan rakan-rakan serta ikut mereka di mana-mana sahaja. Walau bagaimanapun, beliau mempunyai rakan-rakan yang membawa perubahan positif kepada dirinya. Perubahan itulah yang membuatkan Prof Dr. Raja Zahratul Azma cuba melakukan sedaya yang beliau mampu berdasarkan kemampuan dan kebolehan beliau dalam bidang perubatan ini. Selepas beliau menamatkan pengajiannya di Universiti Malaya dan selesai melakukan kerja praktikal di Hospital Kuala Lumpur, beliau disarankan oleh suaminya untuk meneruskan pengajian dalam ijazah sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dari situ, kita boleh lihat bahawa sokongan sosial memainkan peranan yang penting dengan kemampuan kita untuk melakukan sesuatu yang mustahil untuk kita gapai cita-cita tersebut.

Prof. Dr. Raja Zahratul Azma juga memberi nasihat kepada kami bahawa mengambil peluang yang ada di hadapan mata kita. Menurut beliau, sebelum beliau menimba ilmu di Universiti Malaya, beliau bercita-cita untuk menjadi seorang guru. Oleh kerana beliau memiliki keputusan peperiksaan yang sangat cemerlang, beliau menghadiri temu duga untuk ijazah sarjanamuda dalam bidang perubatan di Universiti Malaya. Akhirnya beliau telah berjaya menempatkan diri di Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Kemudiannya, beliau menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam ijazah sarjanamuda atas saranan suaminya yang percaya dengan kebolehan diri beliau.

Sepanjang beliau berada di Universiti Kebangsaan Malaysia, beliau banyak mengharumkan nama universiti dengan kajian penyelidikan beliau yang terperinci tentang penyakit thalassaemia dan glukosa – 6 – fosfat dehydrogenase. Kajian penyelidikan beliau tersebut telah menyebabkan beliau banyak dijemput ke seminar kesihatan yang diadakan di Malaysia atau di luar negara. Kini, nama beliau ditempatkan bersama alumni-alumni UKM yang banyak mengharumkan nama Malaysia ke persada dunia. Bahkan, namanya juga tersenarai dalam Buku Wanita 2021 yang diedarkan pada Hari Wanita Sedunia 2021.

Sikap beliau yang sentiasa mengambil peluang serta tidak berputus asa untuk melakukan sesuatu mampu memberi impak positif kepada pelajar-pelajar yang mempunyai masalah tentang arah tuju hidup mereka. Lebih baik lagi jika kita memiliki sokongan sosial yang baik seperti Prof Dr. Zahratul Azma. Sokongan sosial yang baik memberi impak yang positif kepada kita untuk kita terus berjaya serta terus berinspirasi dengan sokongan motivasi daripada keluarga dan rakan-rakan. Selain itu, mengetahui kebolehan dan kelemahan adalah salah satu faktor untuk kita berjaya dalam hidup. Walau bagaimanapun, kita perlu tumpukan perhatian dengan kekuatan dan kemampuan dalam melakukan sesuatu. Dengan mengamalkan tip-tip yang berjaya daripada Prof Dr. Zahratul Azma, tidak hairanlah bahawa kita juga akan berjaya serta mahu melakukan sesuatu yang mustahil suatu hari nanti.

### **Rujukan**

Instrumentas, P. P. (5 Jun, 2021). *UKMSarjana*. Retrieved from <https://ukmsarjana.ukm.my/>

*Jabatan Parasitologi & Entomologi Perubatan*. (15 Mac, 2021). Retrieved from Sesi Perkongsian Akademik dan Penyelidikan: <https://www.ukm.my/jpepfper/news/sesi-perkongsian-akademik-dan-penyelidikan/>

MF Alina, R. A.-F.-H.-F. (2020/7). Correction to 'Genotyping of Malaysian G6PD-deficient Neonates by Reverse Dot Blot Flow-Through Hybridisation'. *Journal of human genetics*, 635.

Mohamed Afiq Hidayat Zailani, Raja Zahratul Azma Raja Sabudin, Rahana Abdul Rahman, Ismail Mohd Saiboon, Aniza Ismail, Zaleha Abdullah Mahdy. 2020. Drone for Medical Products Transportation in Maternal Healthcare: A Systematic Review and Framework for Future Research. *Medicine* 99(36): 10.1097/MD.00000000000021967.

Raja Zahratul Azma Raja Sabudin, H. A. (2021). H396p Mutation In Chronic Myeloid Leukaemia Patient On Nilotinib - A Case Report. . *The Malaysian Journal Of Pathology*. , 63-68.

Raja Zahratul Azma Raja Sabudin, M. A. (2021). Medical Drone Innovation: An Experimental Analysis Of Drone-Transported Blood Samples. . - *27th Regional Congress Of The Perinatal Society Of Malaysia.*, 146.

Raja Zahratul Azma Raja Sabudin, M. M. (2017/9). Molecular Characterisation of  $\alpha$ - and  $\beta$ -Thalassaemia among Indigenous Senoi Orang Asli Communities in Peninsular Malaysia. *Annals of human genetics*, 205-212.

Raja Zahratul Azma Raja Sabudin, N. S. (2021/4). H396P mutation in chronic myeloid leukaemia patient on nilotinib. *Malays J Pathol*, 63-68.

- Raja Zahratul Azma RAJA SABUDIN, P. S. (2021/4). Disseminated microsporidiosis: An underdiagnosed and emerging opportunistic disease. *The Malaysian journal of pathology*, 9-18.
- Raja Zahratul Azma Raja Sabudin, R. A. (2020). Drone for medical products transportation in maternal healthcare. *Medicine*, 1-6.
- Raja Zahratul Azma Raja Sabudin, S. Y. (2020/8/1). Microcytic to hypochromic ratio as a discriminant index of thalassaemia trait in subjects with hypochromic anaemia. *The Malaysian journal of pathology*, 195-201.
- Raja Zahratul Azma Raja Sabudin, Y. L. (2020/8/1). Extramedullary CD20-positive B-lymphoblastic lymphoma in a 5-year-old child: A diagnostic challenge. *The Malaysian journal of pathology*, 273-276.
- Raja Zahratul Azma RAJA SABUDIN, Y. Y. (2021). Siriraj I G  $\gamma$  (A  $\gamma\delta\beta$ ) 0-thalassaemia causing severe thalassaemia intermedia in compound heterozygous state with IVS1-1 (G $\rightarrow$  T) mutation. *The Malaysian Journal of Pathology*, 95-100.
- Sekretariat Pengajian Siswazah - Postgraduate Studies - UKM. (04 06, 2021). Retrieved from Prof. Dr. Raja Zahratul Azma Raja Sabudin:  
<https://www.ukm.my/spsfper/expertukm/prof-dr-raja-zahratul-azma-raja-sabudin-2/>
- Universiti Kebangsaan Malaysia. 2021. Prof. Dr. Raja Zahratul Azma Raja Sabudin.  
<https://www.ukm.my/spsfper/expertukm/prof-dr-raja-zahratul-azma-raja-sabudin-2/>  
 [Tarikh: 4 Jun 2020].
- Universiti Kebangsaan Malaysia. 2021. Sesi Perkongsian Akademik dan Penyelidikan.  
<https://www.ukm.my/jpepfper/news/sesi-perkongsian-akademik-dan-penyelidikan/>  
 [Tarikh: 15 Mac 2021].
- Ying Ying Wong, H. A.-K. (2021). Thalassaemia Causing Severe Thalassaemia Intermedia In Compound Heterozygous State With Ivs1-1(G-T) Mutation. *The Malaysian Journal Of Pathology*. , 95-100.